



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PPP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

3 DISEMBER 2022 (SABTU)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDN)

3 DISEMBER 2022 (SABTU)



HARGA purata CPO sepanjang November mencatatkan peningkatan berbanding Oktober lalu. - Gambar NSTP/EIZAIRI SHAMSUDIN

HARGA MINYAK MASAK KEKAL SAMA

KPDNHEP ambil tindakan tegas jika peniaga jual mahal

Putrajaya

Harga runcit maksimum minyak masak bagi tempoh 8 Disember 2022 hingga 7 Januari 2023 kekal pada RM6.90 sekilogram, RM13.30 bagi dua kilogram (kg), RM19.60 bagi tiga kg dan RM30.90 bagi lima kg.

Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPD-NHEP) Datuk Azman Mohd Yusof berkata, penetapan harga itu berdasarkan purata harga minyak sawit mentah dunia (CPO).

“Penetapan harga ini adalah hasil kerjasama daripada pihak industri minyak masak yang bersetuju untuk mengekalkan harga maksimum Disember 2022 sama dengan November 2022 walaupun harga purata CPO sepanjang November mencatatkan peningkatan berbanding Oktober,” katanya, semalam.

Azman ber-

kata, mana-mana pihak yang menjual melebihi harga maksimum ditetapkan boleh dikenakan tindakan di bawah Akta

Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

Beliau berkata, KPD-NHEP

menyeru masyarakat pengguna terus berhemah dalam pembelian, mengutamakan yang perlu dan merancang setiap pembelian.

Pengguna juga digalakkan menjadi mata dan telinga kepada kerajaan untuk menyalurkan maklumat berkaitan ketidakpatuhan undang-undang membabitkan harga runcit maksimum minyak masak sawit tulen di pasaran melalui WhatsApp ke 019-2794317 atau 019-84 88000, portal e-aduan di [https://eaduan.kpd-](https://eaduan.kpd-nhep.gov.my)

[nhep.gov.my](https://eaduan.kpd-nhep.gov.my), call centre 1-800-886-800, e-mel e-aduan@kpd-

[nhep.gov.my](https://eaduan.kpd-nhep.gov.my), aplikasi Ez ADU KPDNHEP dan pusat arahan penguatkuasaan

(ECC) di 03-88826088 /6245.

- Bernama

“
Penetapan harga ini adalah hasil kerjasama daripada pihak industri minyak masak
Azman



336 premis diserbu KPDNHEP sejak 2018 hingga Ogos lalu

Ayam, mi paling banyak guna logo halal palsu

Oleh MASZUREEN HADZMAN
maszureen.hadzman@mediamalaysia.com.my

PETALING JAYA: Ayam, mi, biskut dan roti serta makanan diproses adalah produk yang paling banyak menggunakan logo halal palsu, selain produk seperti berus cat yang diperbuat daripada bulu babi.

Mendedahkan kepada *Utusan Malaysia*, Ketua Pengarah Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Azman Adam berkata, peniaga yang terbabit bertindak demikian demi mengaut keuntungan mudah.

Katanya, jika sikap yang tidak bertanggungjawab dibiarkan berleluasa, masyarakat Islam yang merupakan kelompok terbesar kuasa pengguna di negara ini adalah yang paling terkesan.

Katanya, bagi membendung masalah itu, pihaknya membuat banyak serbuan dan sebanyak 336 premis dikesan menggunakan logo halal tidak sah selain



Jika sikap yang tidak bertanggungjawab dibiarkan berleluasa, masyarakat Islam yang merupakan kelompok terbesar kuasa pengguna di negara ini adalah yang paling terkesan."

AZMAN ADAM

mempamerkan sijil halal palsu seolah-olah perniagaan dijalankan mendapat pengiktirafan pensijilan halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) sejak 2018 sehingga 31 Ogos lalu.

"Sepanjang lima tahun sejak 2018 sehingga Ogos lalu,

kita telah mengambil tindakan terhadap 336 premis termasuk restoran, kilang-kilang memproses makanan, kedai perkakasan rumah (*hardware*) dan sebagainya.

"Kes tertinggi diambil tindakan iaitu pada 2019 dengan 90 kes diikuti 2020 (74 kes), 2021 (71 kes) 2018 (63 kes) selain awal tahun ini sehingga Ogos lalu 38 kes direkodkan," katanya.

Mengulas lebih lanjut, kata Azman, KPDNHEP telah menguatkuasakan perundangan halal di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 bagi mengelakkan peniaga sewenang-wenangnya mengeksploitasi pasaran dengan menyalahguna sijil halal.

Jelas beliau, kerjasama erat bersama Jakim giat dijalankan bagi memeriksa premis-premis dikenal pasti secara berkala.

"Mana-mana pusat penyembelihan, kilang memproses makanan, restoran dan sebagainya didapati wujud kesalahan tindakan tegas sudah pasti akan diambil terhadap mereka," je-

lasnya.

Tambah Azman, di bawah Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011, mana-mana syarikat pembekal menggunakan atau mempamerkan sijil halal tanpa kebenaran boleh disabitkan kesalahan denda sebanyak RM100,000 atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya manakala hukuman bagi suatu pertubuhan perbadanan ialah dengan sehingga RM250,000.

"Bagi di bawah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 pula, mana-mana pihak yang menggunakan apa-apa petunjuk makanan tersebut boleh dimakan oleh orang Islam walhal tidak halal boleh, akan didenda sehingga RM1 juta atau penjara lebih tiga tahun atau kedua-duanya.

"Bagi syarikat atau pertubuhan perbadanan yang dikesan melakukan kesalahan berkenaan pula boleh didenda sehingga RM5 juta," katanya.

Kaut untung di sebalik Piala Dunia

Sindiket jersi tiruan berselindung di kawasan perumahan, jualan dalam talian

Oleh MUHAMMAD AMINNURALIF MOHD ZOKI
SIJAH ALAM

Sorok dan simpan jersi tiruan di premis yang mempunyai tahap kawalan keselamatan bagi mengaburi mata pihak berkuasa.

Itu taktik sindiket jersi tiruan yang mengambil kesempatan dalam kehangatan perlawanan bola sepak Piala Dunia 2022 yang berlangsung di Qatar ketika ini.

Piala berprestij yang diadakan empat tahun sekali ini merupakan peristiwa yang amat ditunggu-tunggu di kalangan para peminat jersi negara-negara yang menyertai Piala Dunia, tidak mengena latar belakang serta peringkat umur.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah mengesan pihak yang mengaut untung menjual jersi tiruan dengan pelbagai modus operandi.

Mendedahkan kegiatan itu, Ketua Pengarah Penguat Kuasa KPDNHEP, Azman Adam berkata, pihaknya mengesan kegiatan pihak tidak bertanggungjawab itu menjadikan kawasan perumahan dan kediaman yang mempunyai sistem kawalan keselamatan untuk dijadikan stor simpanan jersi dan barang tiruan.



Sindiket menjadikan kawasan perumahan dan kediaman yang mempunyai sistem kawalan keselamatan untuk dijadikan stor simpanan jersi dan barang tiruan.

Menurut beliau, lokasi itu dipilih disebabkan faktor tempat tersebut yang mempunyai sistem kawalan keselamatan yang ketat dan memastikan kegiatan mereka sukar dikesan oleh pihak berkuasa.

"Selain itu, sindiket jersi tiruan ini juga menyimpan barangan mereka di stor yang agak berjauhan, terpencil dan sukar dilihat oleh orang awam seperti kawasan perindustrian, rumah kedai dan sebagainya," jelas beliau dalam pertemuan eksklusif dengan *Sinar Harian*, baru-baru ini.

Tambah Azman, taktik yang sering dikesan digunakan sindiket adalah penjualan melalui platform dalam talian.

"Selaras dengan perkembangan perniagaan secara dalam talian atau online yang semakin pesat, kegiatan penjualan jersi tiruan juga banyak dilakukan secara dalam talian.

"Ini kerana platform dalam talian melibatkan kos yang lebih rendah dan pasaran luas," katanya.

Beliau memberitahu, selain jualan secara dalam talian, kaedah konvensional masih lagi digunakan untuk menjual jersi tiruan berkenaan.

Berdasarkan tangkapan yang dijalankan, jersi tiruan masih lagi dijual secara fizikal melibatkan kawasan tumpuan orang ramai.

"Antaranya melibatkan pasar malam, premis-premis fizikal tetap seperti dalam pasar raya dan rumah-rumah kedai," katanya.

Mengulas mengenai permintaan ke atas jersi tiruan itu, Azman berkata, hal tersebut berpunca daripada permintaan pengguna itu sendiri kerana apabila ada permintaan, sudah tentu ada pihak tidak bertanggungjawab akan mengambil kesempatan.

"Sindiket ini sanggup menggunakan pelbagai taktik untuk membawa masuk barang-barang tiruan termasuklah jersi tiruan kerana ia boleh mendatangkan keuntungan berlipat kali ganda.

"Ini termasuklah ketika musim Piala Dunia di mana sindiket akan mendapatkan pulangan berganda," katanya.

Bekalan diperoleh dari luar negara

Azman berkata, hasil siasatan yang dilakukan mendapati bekalan pakaian serta jersi tiruan itu diperolehi daripada pelbagai sumber termasuk dari luar negara.

"Kegiatan penyeludupan antaranya menjadi kaedah utama jersi tiruan ini dibawa masuk ke dalam negara.

"Ini termasuk melibatkan kegiatan penyeludupan yang berlaku di pintu-pintu sempadan negara mahupun di pelabuhan-pelabuhan," katanya.

Selain daripada itu, sindiket terbabit turut bertindak menggunakan kaedah ku-

rier bagi membawa masuk jersi tiruan itu dari luar negara.

"Kaedah sebegini dijalankan bagi menyukarkan daripada dikesan oleh pihak berkuasa," ujamnya.

Dedah Azman, hasil daripada siasatan yang dijalankan dan maklumat yang diperolehi, kegiatan penjualan barang tiruan itu dilakukan oleh pelbagai jenis latar belakang individu dan tidak tertumpu oleh individu tertentu sahaja.

Pantau jualan menerusi media sosial

Dalam usaha KPDNHEP membanteras kegiatan haram itu, Azman berkata, tindakan penguatkuasaan dijalankan melibatkan aktiviti penjualan secara dalam talian, media sosial atau apa-apa platform e-dagang.

"KPDNHEP menjalankan risikan awal aktiviti penjualan dalam talian dengan kerjasama pemilik cap dagang.

"Hasil laporan dan risikan tersebut akan membantu dalam merancang tindakan serbuan (fizikal) dengan lebih berkesan," katanya.

Beliau memberitahu, KPDNHEP juga terlibat dalam Pasukan Petugas Khas Membanteras Barang Tiruan dan Cetak Rompak melibatkan pelbagai agensi kerajaan, persatuan, pemain industri dan pihak berkuasa berkaitan perdagangan dalam talian.

Kaedah tersebut dijalankan bagi menyelaraskan tindakan bersepadu dalam membendung barang-barang tiruan dan cetak rompak di pasaran.

Azman menambah, penguatkuasaan secara fizikal turut ditambah baik bagi memastikan penjualan jersi tiruan ini dapat dibanteras dengan berkesan.

"Pemeriksaan secara proaktif iaitu pemeriksaan berkala dijalankan melibatkan kawasan-kawasan yang didapati bergiat aktif dengan aktiviti penjualan dan pengedaran barangan tiruan.

"Selain itu, kami turut menjalankan tindakan reaktif iaitu pemeriksaan dan serbuan ke atas premis-premis yang menjual barang tiruan berdasarkan aduan daripada pemilik cap dagang berdaftar atau



“Ini kerana platform dalam talian melibatkan kos yang lebih rendah selain kaedah promosi dan pasaran yang lebih meluas.”

- Azman Adam

CAP minta percepat subsidi bersasar RON95, LPG

Georgetown: Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa kerajaan supaya mempercepat pelaksanaan subsidi bahan api petrol RON 95 serta gas petroleum cecair (LPG) dan minyak masak secara bersasar kepada golongan kumpulan B40 di negara ini.

Ini berikutan, sistem subsidi semasa secara menyeluruh mempunyai 'kepincangan' kerana hanya memberi manfaat kepada golongan kaya berbanding miskin.

Presiden CAP, Mohideen Abdul Kader, berkata alasannya kerana kebanyakan kenderaan, termasuk kereta mahal juga boleh menggunakan RON95.

Ini bermakna, subsidi harga petrol diagih secara tidak sekat antara pelbagai kumpulan berpendapatan, dengan golongan berpendapatan rendah mendapat faedah yang paling kurang.

"Ini berikutan, golongan berpendapatan rendah berkemungkinan kurang memiliki kenderaan dan kenderaan dimiliki pula mempunyai kapasiti enjin yang rendah.

"Tambahan pula, petrol bersubsidi juga terbuka kepada penyalahgunaan seperti penyeludupan diesel," katanya menerusi kenyataan di sini, semalam.

Pada masa ini kerajaan memberi subsidi petrol RON 95, di-

esel serta LPG dan bekas Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Aziz, menganggarkan subsidi sahaja menelan kos sebanyak RM28 bilion pada 2022.

Kad subsidi elektronik

Sehubungan itu, Mohideen menggesa kerajaan supaya mempertimbang untuk mengguna pakai sistem kad subsidi elektronik subsidi bersasar kepada golongan B40 termasuk bagi barangan harga terkawal lain seperti yang ditentukan kerajaan.

Katanya, malah kumpulan 40 Pertengahan Bawah (M40) juga perlu diberikan bantuan.

"Mengeluarkan kad subsidi elektronik kepada golongan miskin dan kawalan harga makanan yang berkesan perlu menjadi keutamaan bagi meningkatkan taraf hidup rakyat," katanya.

Pada Ahad lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, mengarahkan Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) supaya mencerakin dan menelusuri implikasi subsidi dalam tempoh dua minggu.

Beliau berkata, subsidi yang ditanggung kerajaan pada masa ini antaranya subsidi elektrik, dinikmati semua golongan walaupun ia sebenarnya bertujuan membantu golongan rakyat miskin.



Junaidah berbual bersama pelanggan ketika melakukan pemantauan bekalan barangan kawalan di sebuah pasar raya, Labuan, semalam. (Foto BERNAMA)

Bekalan telur masih kurang di Labuan

Labuan: Kesukaran mendapatkan bekalan telur di pulau bebas cukai ini menyebabkan bahan mentah itu kini menjadi antara barang buruan dalam kalangan pembeli.

Walaupun banyak kedai sudah pulih daripada kesan pandemik dan mampu memastikan barangan memenuhi rak, telur masih sukar ditemukan kerana peniaga bergelut memenuhi permintaan.

Perkara itu diakui Timbalan Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Labuan, Dr Larry David, yang memaklumkan kekurangan bekalan disebabkan eksport telur dari Sabah yang terhad ke pulau ini, selain faktor peningkatan dalam permintaan.

Katanya, pihaknya sudah meminta bekalan sejuta telur sebulan dan diluluskan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah November tahun lalu.

Bagaimanapun, beliau berkata, rekod pihaknya menyatakan

mereka hanya menerima 750,000 telur daripada pembekal.

"Sebelum ini Labuan menerima dua juta telur setiap bulan dan sejuta itu sebenarnya masih tidak mencukupi untuk menampung permintaan yang meningkat di sini," katanya.

Dua kali penghantaran

Sementara itu, Pengurus Bataras Sdn Bhd, Elfriene Aguinaldo, berkata mereka menerima dua kali penghantaran membabitkan 3,000 bekas dengan setiap satu berisi 30 biji telur meliputi pelbagai gred iaitu A, B, C dan gred premium setiap minggu.

"Daripada 3,000 itu sekurang-kurangnya 30 peratus akan disalurkan kepada cawangan kami di Kompleks Ujana Kewangan dan bakinya untuk mengisi rak kami untuk kedai kek yang juga pelanggan tetap dan pengguna yang datang terus.

"Bekalan telur boleh bertahan

sehari selepas tiba dan masalah bekalan yang kami hadapi membabitkan semua gred telur," katanya yang menguruskan pasar raya terbesar di Labuan itu.

Aguinaldo berkata, harga satu bekas telur Gred A ialah RM15.30 (RM14.70 sebelum ini), Gred B RM15 (RM14.40 sebelum ini) dan RM14.70 (RM14.10 sebelum ini) bagi setiap bekas untuk Gred C, meningkat antara RM0.40 dan RM0.60.

"Melihat kenaikan permintaan telur, kuota bekalan telur kepada Bataras seharusnya ditingkatkan," katanya.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Labuan, Junaidah Arbain, mengesahkan menerima aduan daripada orang ramai berhubung harga telur yang tinggi, namun ia hanya membabitkan gred premium yang bukan dalam kawalan pihaknya. BERNAMA

Telur jadi buruan di Labuan

LABUAN - Telur kini menjadi antara barang buruan dalam kalangan pembeli di pulau bebas cukai ini kerana kesukaran mendapatkan bahan mentah itu biarpun selepas ketiadaan sekatan pergerakan akibat Covid-19.

Kebimbangan mengenai kekurangan bekalan telur di seluruh negara dibangkitkan selepas jumlah pembelian bagi pembeli dihadkan oleh peniaga dan gambar rak kosong di pasar raya besar dan pasar raya tersebar di sini.

Walaupun banyak kedai sudah pulih daripada kesan pandemik dan mampu memastikan barangan memenuhi rak, telur masih sukar ditemukan kerana peniaga bergelut untuk memenuhi permintaan.

Timbalan Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Labuan, Dr Larry David berkata, kekurangan bekalan itu berikutan eksport telur dari Sabah yang terhad ke pulau ini dan kerana peningkatan dalam permintaan.

"Kami telah meminta bekalan satu juta telur sebulan dan diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah November tahun lepas tetapi untuk rekod kami hanya menerima 750,000 telur daripada pembekal.

"Sebelum ini Labuan menerima dua juta telur setiap bulan dan satu juta itu sebenarnya masih tidak mencukupi untuk menampung permintaan yang



FOTO: BERNAMA

Junaidah (kiri) berbual bersama pelanggan ketika melakukan pemantauan bekalan keperluan barangan kawalan di salah sebuah pasar raya di Labuan pada Jumaat.

meningkat di sini," katanya ketika dihubungi pada Jumaat.

Pengurus Bataras Sdn Bhd, Elfriene Aguinaldo pula berkata, mereka menerima dua kali penghantaran berjumlah 3,000 bekas setiap satu berisi 30 butir telur daripada pelbagai gred (A,B,C dan gred telur premium) setiap minggu.

"Daripada 3,000 itu sekurang-kurangnya 30 peratus akan disalurkan kepada cawangan kami di Kompleks Ujana Kewangan dan bakinya untuk mengisi rak kami untuk kedai kek yang merupakan pelanggan tetap dan pengguna yang datang terus.

"Bekalan telur boleh bertahan dalam sehari setelah tiba, kami mengalami masalah bekalan bagi semua gred telur... kami sedang bekerja keras untuk mengatasinya dan memohon maaf di atas sebarang kesulitan," katanya yang menguruskan pasar raya besar terbesar di Labuan itu.

Aguinaldo berkata, harga

satu bekas telur untuk Gred A ialah RM15.30 (RM14.70 sebelum ini), Gred B RM15 (RM14.40 sebelum ini) dan RM14.70 (RM14.10 sebelum ini) bagi setiap bekas untuk Gred C, meningkat antara 40 sen dan 60 sen.

"Melihat kepada kenaikan permintaan telur, kuota bekalan telur kepada Bataras seharusnya ditingkatkan," kata beliau.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Labuan, Junaidah Arbain berkata, bekalan telur tidak berubah biarpun harga meningkat.

"Jumlah bekalan kekal stabil dalam beberapa bulan lepas di tengah-tengah sedikit kenaikan harga tetapi ia masih tidak melebihi harga siling," ujarnya.

Beliau berkata, terdapat aduan daripada orang ramai harga telur yang tinggi tetapi ia hanya melibatkan gred premium yang bukan dalam kawalan KPDNHEP.

- Bernama